

# Subsekyen 44(6)

Pantauan dana kebajikan daripada rakyat untuk rakyat

TEKS : NINA FARZUIN MD SHAROM  
FOTO : ASRIL ASWANDI

**SHAH ALAM** - Potongan cukai di bawah Subsekyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah insentif yang disediakan kerajaan bagi menggalakkan orang ramai dan syarikat korporat untuk terlibat sama dalam membantu golongan yang memerlukan melalui institusi yang diluluskan.

Pengarah Bahagian Kelulusan dan Pemantauan (BKP), Jabatan Dasar Percuaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Yaacob Othman berkata insentif yang dimaksudkan adalah potongan cukai kepada orang ramai mahupun syarikat korporat yang menyalurkan sumbangan wang tunai kepada institusi yang diluluskan di bawah subsekyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Institusi yang menerima derma akan menyalurkan derma tersebut kepada mereka yang layak sekaligus pengecualian cukai turut diberikan kepadanya."

"Manakala pihak penderma sama ada secara individu atau syarikat juga menerima insentif dalam bentuk tolakan cukai sebanyak 7 hingga 10 peratus daripada agregat pendapatan masing-masing," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, oleh kerana jumlah derma yang terlibat adalah besar, pemantauan berterusan ke atas institu-



**Setakat September tahun ini, sebanyak 1963 institusi yang diluluskan masih aktif dan BKP juga bertanggungjawab memantau pematuhan syarat kelulusan bagi institusi-institusi ini yang berada di seluruh negara,"**

- Yaacob Othman

si yang diluluskan adalah penting bagi memastikan dana yang diperoleh digunakan sepenuhnya tanpa penyalahgunaan yang boleh menyebabkan ketiran cukai negara.

Bahagian Kelulusan dan Pemantauan (BKP) memainkan peranan penting dalam melakukan audit pemantauan ke atas penderma dan institusi yang diluluskan.

"Setakat September tahun ini, sebanyak 1963 institusi yang diluluskan masih aktif dan BKP juga bertanggungjawab memantau pematuhan syarat kelulusan bagi institusi-institusi ini yang berada di seluruh negara," katanya.

## Audit pemantauan

Mengulas lanjut, Yaacob berkata, audit pemantauan adalah proses terpenting yang dijalankan BKP agar setiap dana yang terkumpul dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

"Pada 2015, daripada

jumlah 29 institusi yang diaudit, kita mengenal pasti 63 daripadanya telah melakukannya pelbagai kesalahan daripada tahap ringan hingga paling berat seperti penipuan resit dan perbelanjaan tanpa dokumen sokongan.

"Tindakan lanjut daripada itu, LHDNM telah mengambil tindakan mengeluarkan surat amaran kepada kesalahan yang ringan dan menarik semula kelulusan kepada kesalahan yang lebih berat," katanya.

Tambahnya, bagi memastikan tindakan yang diambil benar-benar memberi impak, LHDNM turut mewujudkan beberapa inisiatif bagi mengekang penyalahgunaan status kelulusan di bawah subsekyen 44(6) untuk kepentingan peribadi atau sebagainya.

"Kita turut mewujudkan sistem mata kesalahan semasa lawatan audit yang mana setiap kesalahan akan diberikan markah bergantung kepada impak kehilangan cukai daripada kesala-

han yang dilakukan.

"Kesalahan yang serius akan diberikan mata yang lebih tinggi dan jenis tindakan terbahagi ke pada empat bahagian iaitu daripada pengeluaran surat peringatan sehingga tarik semula kelulusan," katanya.

Selain itu, LHDNM turut mengambil tindakan kawalan tempoh kelulusan institusi bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan dijalankan.

"Kes terdahulu kelulusan mereka adalah tidak bertempoh. Bila kita melihat terdapat banyak salah laku dan sebagainya, kita laksanakan kelulusan dengan had tempoh selama lima tahun sahaja.

"Enam bulan sebelum tamat tempoh, wakil institusi perlu membuat permohonan lanjutan masa kelulusan dan hanya institusi yang mempunyai rekod pematuhan yang baik akan dibenarkan. Manakala bagi institusi yang ditarik semula kelulusan, mereka per-



Penderma sama ada orang ramai atau syarikat korporat perlu sentiasa peka sebelum menyerahkan sejumlah wang untuk didermakan. - Gambar Hiasan

lu menjalani tempoh berpantang iaitu lima hingga 10 tahun sebelum membuat permohonan yang baharu," katanya.

## Penderma perlu semak

Selain memberi penekanan kepada institusi terlibat, Yaacob turut memberi peringatan kepada penderma sama ada orang ramai atau syarikat korporat supaya sentiasa peka sebelum menyerahkan sejumlah wang untuk didermakan.

"Apa yang penting, penderma perlu membuat semakan di laman web LHDNM bagi memastikan sama ada institusi yang akan diserahkan dana itu masih atau telah mendapat kelulusan di bawah subsekyen 44(6).

"Tanpa semakan terlebih dahulu, penderma mungkin akan tersalah menyalurkan dana kepada pihak yang tidak sepatutnya sekali gus tidak lay-

ak mendapat potongan cukai daripada pendapatan agregat masing-masing" katanya.

Di samping itu, Yaacob turut menjelaskan, inisiatif kerajaan mewujudkan subsekyen 44(6) adalah sesuatu yang amat baik bukan sahaja kepada golongan yang memerlukan malah manfaat sama turut dinikmati kepada penderma.

"Sememangnya tanggungjawab kerajaan membantu rakyat yang memerlukan dan kewujudan subsekyen 44(6) ini juga turut memberi peluang kepada rakyat untuk terlibat sama.

"Jadi buat penderma, sekiranya telah menyalurkan sumbangan kepada institusi yang diluluskan, segera resit pembayaran perlu disimpan untuk melayakkan anda mendapat potongan cukai dan begitu juga kepada pihak pengurusan institusi, patuhilah segala syarat yang telah ditetapkan untuk memudahkan perjalanan kebajikan anda," jelasnya.

## BKP TERBAHAGI KEPADA 4 UNIT

### INFO

- Unit pemerosesan permohonan untuk kelulusan di bawah Subsekyen 44(6)
- Unit permohonan untuk kelulusan dana pencegah swasta di bawah Seksyen 150
- Unit permohonan untuk kelulusan potongan cukai dua kali di bawah Seksyen 34A
- Unit audit pemantauan Subsekyen 44(6)

### SISTEM MATA KESALAHAN

- 1-80 - surat peringatan
- 81-150 - surat amaran
- 151-200 - amaran keras
- 200 - tarik semula kelulusan



Institusi yang menerima derma akan menyalurkan derma tersebut kepada mereka yang layak sekaligus pengecualian cukai turut diberikan kepada mereka. - Gambar Hiasan